



KETUA SETIAUSAHA  
*Secretary General*  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
*Ministry of Education Malaysia*  
ARAS 8, BLOK E8  
KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6069  
Faks : 03-8888 5124  
Laman Web: <http://www.moe.gov.my>

## SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : KP(PP) 0022/4/13/2 Jld.8 (8)  
Tarikh : **26** Jun 2012

Semua Ketua Jabatan / Bahagian,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Semua Agensi/Jabatan Bagi Penempatan Pegawai  
Pinjaman/Tukar Sementara/Kader Perkhidmatan Pendidikan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) BAGI KES CICIR TAHUN 2004 HINGGA 2011 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/  
Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM),  
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih lagi menerima **perakuan calon cicir**  
daripada JPN/Bahagian/IPGM/Kolej Matrikulasi bagi urusan kenaikan pangkat  
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) ke Gred DGA32, DG44 dan Gred DG48  
secara *Time-Based* Khas Untuk Penyandang (KUP) di dalam urusan kenaikan  
pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan tahun 2012.

3. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, KPM sedang melaksanakan urusan kenaikan pangkat PPP ke Gred DGA32, DGA34, DGA38, DG44, DG48, DG52 dan DG54 secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan mengikut tempoh perkhidmatan yang melayakkan berkuatkuasa mulai **01 Januari 2012** berdasarkan perakuan oleh Ketua Jabatan. Justeru itu, kelewatan/keciciran perakuan kenaikan pangkat PPP oleh Ketua Jabatan akan mengganggu kelancaran proses kenaikan pangkat bagi perkhidmatan guru.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan tiada lagi kes-kes tercicir yang akan diperakukan ke BPSM **selepas 31 Julai 2012**. Sebarang kelewatan atau keciciran dalam memperakukan calon untuk urusan kenaikan pangkat PPP selepas ini, **pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya dan hendaklah mengemukakan justifikasi atas kelewatan atau keciciran tersebut.**

5. Di atas perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berikan di dalam hal ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATO' Dr. ROSLI BIN MOHAMED**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.:

YBhg. Tan Sri KPPM

YBhg. Dato' TKSU (P)

YBhg Dr. TKPPM (O)

SUB (SM)